

20 MARCH 1998

Pendatang-tipu

BANYAK PENDATANG INDONESIA MANGSA PENIPUAN TEKONG

LUMUT, 20 Mac (Bernama) -- Kebanyakan pendatang tanpa izin dari Indonesia yang menyusup masuk ke negara ini merupakan mangsa penipuan tekong dan agen palsu yang mengenakan bayaran antara RM500 dan RM600 seorang.

Pengarah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM), Datuk Tuan Hashim Tuan Mohamad berkata rakyat asing tidak harus mengambil risiko sehingga menggadaikan nyawa dengan mengharungi lautan menuju ke Malaysia kerana "keadaan di sini tidak seperti yang dijangkakan".

Bercakap pada sidang berita selepas melancarkan Operasi (Ops) Nyah Bersepadu di PPPM di sini hari ini, beliau berkata tekong berkenaan yang hanya mementingkan keuntungan tidak mengambil kira soal keselamatan pendatang yang dipaksa terjun ke laut setelah mereka tiba berhampiran pantai.

"Tindakan tekong yang tidak bertanggungjawab itu merupakan antara faktor ramai pendatang Indonesia mati lemas ketika cuba memasuki negara ini," katanya.

Sepanjang tahun lepas, 66 rakyat Indonesia mati lemas di perairan Malaysia manakala tahun ini 26 kematian dilaporkan.

Menerusi Ops Nyah Bersepadu yang dilancarkan hari ini, Tuan Hashim berkata kawalan di kawasan perairan negara di Selat Melaka akan ditingkatkan manakala PPPM juga mengesan kemasukan pendatang tanpa izin yang semakin meningkat.

Sempena pelancaran itu juga, empat kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), 20 bot polis marin, dua pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Unit Udara Polis (UUP) telah digerakkan ke laut manakala bot Jabatan Perikanan diletakkan dalam keadaan bersedia.

Ops Nyah Bersepadu itu pertama kali menggabungkan PPPM, TLDM, Polis Marin, UUP, TUDM dan Jabatan Perikanan bagi membantu Ops Nyah 1 dan operasinya meliputi kawasan perairan dari Pulau Langkawi ke Tanjung Piai di Johor dengan memberikan tumpuan ke kawasan pendaratan pendatang tanpa izin.

"Menerusi Sistem Pengawalan Laut, PPPM akan menggunakan radar moden dan canggih yang turut berupaya mengesan kegiatan dan pergerakan kapal di sepanjang perairan negara di Selat Melaka," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan radar berkenaan di Pelabuhan Klang tidak lama lagi.

Tuan Hashim berkata radar berkenaan akan mengumpul dan menyalurkan semua maklumat mengenai pergerakan kapal kepada PPPM yang akan mengarahkan agensi terbabit menjalankan penyiasatan.

PPPM juga mengadakan kerjasama dengan Badan Koordinasi Keamanan Laut Indonesia di Tanjung Pinang, Riau yang turut menahan 400 warga Indonesia yang cuba menyusup keluar dan empat tekong pada minggu lepas. -- BERNAMA

RZS RHM MAI